

**SKIM PERKHIDMATAN
JURUTERA**

KLASIFIKASI : PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL

Gred	Jadual Gaji Minimum-Maksimum		
Gred J41	RM2360.00	-	RM8743.00
Gred J44	RM3420.00	-	RM9557.00
Gred J48	RM5005.00	-	RM10686.00
Gred J52	RM5639.00	-	RM11286.00
Gred J54	RM5939.00	-	RM11972.00

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-
 - (a) warganegara Malaysia;
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM2360.00)

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
 2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-
 - (a) memiliki kelayakan dalam perenggan 1 (c) di atas;

- (b) lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian I dan II anjuran Lembaga Jurutera Malaysia/Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; dan
- (c) had umur pelantikan:
 - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

PENETAPAN PERMULAAN	GAJI	3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred J41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.
TEMPOH PERCUBAAN		4. Jurutera Gred J41 yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan 1 hingga 3 tahun.
LATIHAN		5. Jurutera boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PROGRAM TRANFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN		6. Jurutera Gred J41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN		7. Jurutera Gred J41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:- <ul style="list-style-type: none"> (a) memenuhi tempoh percubaan; (b) hadir dengan jayanya Program Tranformasi Minda yang ditetapkan; dan (c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.
PERGERAKAN TAHUNAN	GAJI	8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

- | | | |
|---|----------------|--|
| KENAIKAN
KE GRED J44 | PANGKAT | 9. Jurutera Gred J41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurutera Gred J44 yang kosong apabila telah:- <ul style="list-style-type: none">(a) disahkan dalam perkhidmatan;(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan(d) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| KENAIKAN
KE GRED J48 | PANGKAT | 10. Jurutera Gred J44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurutera Gred J48 yang kosong apabila telah:- <ul style="list-style-type: none">(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| KENAIKAN
KE GRED J52 | PANGKAT | 11. Jurutera Gred J48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurutera Gred J52 yang kosong apabila telah:- <ul style="list-style-type: none">(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| KENAIKAN
KE GRED J54 | PANGKAT | 12. Jurutera Gred J52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Jurutera Gred J54 yang kosong apabila telah:- <ul style="list-style-type: none">(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan(c) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| KENAIKAN
KE GRED YANG LEBIH
TINGGI | PANGKAT | 13. Jurutera Gred J54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong. |